

29 JUN 2001

Wartawan-Etika

PEGANG TEGUH KEPADA ETIKA KEWARTAWANAN, KATA KHALID

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Para wartawan di negara ini perlu bersikap rasional serta berpegang teguh kepada etika kerja kewartawanan ketika menunaikan tanggungjawab mereka.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Khalid Yunus berkata sebagai sebuah negara membangun, kerja wartawan adalah penting dalam melentur fikiran rakyat dan mereka tidak sepatutnya membuat sesuatu yang akan merugikan proses pembangunan rakyat dan negara.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Tahunan 2001 Persatuan Kebangsaan Agen-agen Insurans Hayat Malaysia (NAMLIA) di sini, hari ini.

"Wartawan dan akhbar di negara ini diberi kebebasan bukan sahaja untuk melapor malah mengkritik dasar-dasar kerajaan dan pemimpin," kata Khalid.

"Kerajaan di bawah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad mengamalkan polisi terbuka iaitu boleh ditegur atau dikritik," katanya lagi.

Khalid berkata sekiranya para wartawan mempunyai masalah dengan majikan, mereka seharusnya berunding atau bermuafakat dengan sihat dan bukan mengikut langkah-langkah yang merugikan seperti konfrontasi.

Beliau percaya majikan sentiasa mendengar segala masalah yang dihadapi oleh para wartawan.

Khalid juga menasihati para wartawan akhbar vernakular Nanyang Siang Pau dan China Press supaya berunding dengan pihak majikan dan jangan berkonfrontasi jika masih tidak berpuas hati dengan pembelian kedua-dua akhbar itu oleh Huaren Holdings Berhad, sayap pelaburan MCA.

Baru-baru ini Huaren Holdings Berhad telah membeli dua akhbar Cina itu dan ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan wartawan kedua-dua akhbar itu.

Para wartawan kedua-dua akhbar itu sebagai tanda menunjukkan tidak puas hati mereka memakai riben kuning ketika menjalankan tugas.

Mengenai isu lain pula, Khalid berkata Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) akan mengamalkan pendekatan baru dalam usaha meningkatkan mutu rancangan yang disiarkan.

"Kerajaan akan menggalakkan penerbit filem RTM mengamalkan pengkhususan dalam bidang tertentu iaitu sama ada dalam menerbitkan dokumentari, drama, sitcom ataupun program kanak-kanak dan bukan kesemuanya sekali," katanya.

Khalid berkata ini bagi memberi penekanan yang cukup tinggi terhadap hasil dan mutu siarannya serta bagi mencapai matlamat besar iaitu integrasi nasional antara pelbagai kaum.

Kerajaan juga sedang cuba menggalak penerbit filem dari negara seperti India dan China untuk membuat filem di Malaysia, tambahnya lagi.

-- BERNAMA

LYM RV PR